

**LANSARAN ETNIK MURUT TAHOL: PERMAINAN ATAU
TARIAN TRADISIONAL?
MURUT TAHOL ETHNIC LANSARAN: TRADITIONAL GAME
OR DANCE?**

**Toh Min Min¹
Low Kok On^{2*}**

^{1&2}*Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
minmin_toh@hotmail.com, lowkokon@ums.edu.my
Tarikh dihantar: 13 Januari 2021 / Tarikh diterima: 13 April 2021*

ABSTRAK

Lansaran ialah salah satu persembahan tradisional etnik Murut Tahol yang tinggal di pedalaman Sabah. Kajian ini bertujuan menyelesaikan permasalahan sama ada *lansaran* ialah sejenis permainan ataupun tarian. Bagi mengumpul data kajian, pengkaji telah menjalankan kerja lapangan di daerah Kota Kinabalu, Tenom dan Nabawan. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah kaedah temu bual, pemerhatian dan kajian perpustakaan. Analisis yang dilakukan terhadap data kajian adalah berasaskan interpretasi dan perbandingan antara ciri-ciri permainan tradisional dan ciri-ciri tarian. Kajian ini telah menyelesaikan permasalahan dalam kalangan pengkaji tarian, yang tidak pasti sama ada *lansaran* ialah sejenis permainan ataupun tarian. Hasil analisis mendapati etnik Murut Tahol mempunyai tiga jenis *lansaran*, iaitu pada asalnya *lansaran* ialah sejenis permainan kanak-kanak. Pada zaman *mengayau* pula, *lansaran* ialah sejenis tarian ritual. Akhir sekali, *lansaran* jenis olahan didapati adalah sejenis tarian sekular.

Kata kunci: Etnik Murut Tahol, *lansaran*, permainan tradisional, tarian ritual, tarian olahan.

ABSTRACT

Lansaran is one of the traditional performances of the Tahol Murut reside in the interior of Sabah. The aim of this research is to address the research problem related to whether is *lansaran* a type of traditional game or dance. Field trips have been conducted in the districts of Kota Kinabalu, Tenom and Nabawan to collect data. The methods employed in collecting data are interviews, observations and library research. Interpretation and comparison between the characteristic of traditional games and dance have been used in analyzing the research data. More importantly, this research has addressed the research question on whether *lansaran* is a type of traditional game or dance. The analysis

found that there are three types of lansaran of the Tahol Murut. Originally, lansaran was a type of children game. In the era of head-hunting, it was a ritual dance. Finally, the newly adapted lansaran is a type of secular dance.

Keywords: *Tahol Murut, lansaran, traditional game, ritual dance, adapted dance.*

PENDAHULUAN

Hampir semua etnik peribumi di Sabah mempunyai tarian tradisional sendiri. Dalam tulisan Ismail Abbas dan Shaong (1984), dilaporkan terdapat sejumlah 41 jenis tarian tradisional di Sabah. Tiga contoh tarian tradisional etnik peribumi di Sabah yang terkenal ialah tarian *Sumazau* (etnik Kadazandusun), tarian *Runsai* (etnik Bajau) dan tarian *Sumayau* (etnik Lotud). Etnik Murut yang tinggal di pedalaman Sabah mempunyai tiga jenis tarian tradisional yang dikenali umum, iaitu tarian *Anggalang*, tarian *Magunatip* dan tarian *Lansaran* (Ismail Abbas & Shaong, 1984; Zainal Abiddin, 1998; Mohd Anis, 2004; Samsudin, 2011; Suhaimi & Low, 2016; Jesilda & Low, 2016; Toh & Low, 2016; Suhaimi Magi, 2018). Tulisan ini memberi tumpuan terhadap tarian *Lansaran* kepunyaan etnik Murut Tahol di Daerah Tenom.

Dalam sorotan kajian lepas yang telah ditinjau, hanya sebanyak lima buah kajian yang berkait dengan persembahan *Lansaran*, iaitu kajian Ismail Abbas dan Shaong (1984), Zainal Abiddin (1998), Mohd Anis (2004), Samsudin (2011) serta Toh dan Low (2016). Mohd Anis (2004: 44) dan Samsudin (2011: 14) telah memberikan penerangan ringkas terhadap erti *lansaran* dalam bahasa Murut sebagai *momolungun da papan*, yang bermaksud berenjut-enjut di atas papan (Informan: Baalon Agoon, Andy Jusit, Andiawang bin Butor dan Unduh bin Butor) akan dibincangkan kemudian.

Mohd Anis (2004: 44) dan Samsudin (2011: 14) mencatatkan bahawa pada zaman dahulu persembahan *lansaran* digunakan untuk menyambut kepulangan pahlawan yang telah memperoleh kepala musuh dalam aktiviti *mengayau*. Dalam persembahan *lansaran*, penari lelaki akan mengenyut-enjut di permukaan pentas *lansaran*, kemudian melompat setinggi yang dapat untuk mencapai *kinkilat* (tengkorak manusia) yang tergantung di atas pentas *lansaran* sambil bersorak sebagai tanda kegagahan. Selain maklumat ringkas tentang *lansaran* ini, hal-hal lain tentang persembahan *lansaran* tidak dibincangkan oleh kedua-dua orang pengkaji ini.

Seterusnya, Toh dan Low (2016: 423) dan Suhami (2018: 89) melaporkan bahawa persembahan *Lansaran* juga merupakan sejenis permainan rakyat etnik Murut Tahol. Menurut ketiga-tiga orang pengkaji ini, *Lansaran* berasal daripada sejenis permainan. Pada zaman dahulu, kanak-kanak kampung suka berenjut-enjut dan melompat-lompat di atas permukaan pokok yang telah ditebang dan terbiar di luar rumah panjang. Seterusnya, orang tua-tua mulai berasa risau tentang keselamatan kanak-kanak mereka kerana kayu-kayu tersebut tidak dihaluskan dan mungkin akan cederakan anak-anak mereka. Oleh itu, mereka membina tempat khas *lansaran* di serambi rumah panjang mereka.

Pengkaji tarian tradisional seperti Ismail Abbas dan Shaong (1984), Asmad (1990), Zainal Abidin (1988) dan Samsudin (2001) menganggap *Lansaran* ialah sejenis tarian tradisional. Namun begitu, terdapat beberapa orang pengkaji lain seperti Clarke (1952), List (1963) dan Seet (2017) serta sesetengah informan seperti Nasip Ampiu dan Suhaimi Magi menganggap *Lansaran* bukan sejenis tarian. Pada mereka, *Lansaran* ialah sejenis permainan tradisional. Soalnya, adakah *Lansaran* sejenis tarian atau permainan tradisional? Makalah ini bertujuan menentukan sama ada persembahan *Lansaran* ialah sejenis permainan ataupun tarian.

Bagi memperoleh data kajian, pengkaji menggunakan kaedah kerja lapangan di Daerah Kota Kinabalu, Tenom dan Nabawan (Peta Sabah 1). Pengkaji telah menjalankan kerja lapangan di Kampung Malampoi dan Pejabat Daerah Nabawan antara 16 Januari hingga 22 Januari 2016 dan di Dewan Hongkod Koisan (Penampang) semasa Pesta Kaamatan peringkat negeri Sabah berlangsung antara 30 Mei hingga 31 Mei 2016 bagi mengumpul data yang berkaitan dengan persembahan *Lansaran* dalam kalangan etnik Murut Tahol. Kemudian, kerja lapangan turut dijalankan di Pusat Kebudayaan Murut di Daerah Tenom pada 9 Januari 2017. Kerja lapangan yang terakhir telah dijalankan di laman buah kampung etnik Murut Tahol di Daerah Kemabong (Peta 2) antara 17 hingga 20 Mac 2017 (Lampiran 1). Sepanjang tahun 2017, pengkaji berkunjung ke beberapa buah pusat seni di daerah Kota Kinabalu seperti Muzium Sabah, Lembaga Kebudayaan Seni, Mari-mari Cultural Village dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS bahagian kebudayaan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang kehidupan, kebudayaan etnik Murut dan hal-hal yang berkaitan dengan aspek-aspek persembahan *Lansaran*. Antara kaedah yang digunakan dalam kerja lapangan ialah temu bual, pengambilan gambar dan rakaman video. Pengkaji telah merekod setiap sesi temu bual dengan menggunakan alat perakam suara dan juga merakam pergerakan informan semasa menunjukkan pergerakan persembahan *Lansaran*. Sebelum hal-hal yang berkaitan dengan aspek permainan rakyat dan ritual dalam

persembahan *Lansaran* dikupas, ada baiknya etnik Murut Tahol yang memiliki budaya persembahan *Lansaran* diperkenalkan terlebih dahulu.



Peta 1 Daerah Kota Kinabalu Tenom dan Nabawan dalam peta Sabah
Sumber: Olahan pengkaji (2019).



Peta 2 Kampung-kampung kecil yang dilawati di daerah Tenom dan Nabawan
Sumber: Olahan pengkaji (2019).

ETNIK MURUT TAHOL

Etnik Tahol ialah salah satu etnik dalam rumpun Murut di Sabah. Etnik Tahol juga mempunyai berbagai-bagai panggilan lain seperti Tagal, Tagol dan Tagul. Istilah-istilah ini digunakan oleh etnik Paluan dan Timugon untuk membezakan identiti mereka yang berasal dari penempatan di Sungai Tahol (Ismail Ibrahim, 2007: 72 dan 2011: 8). Laporan tentang masyarakat Murut Tahol berasal dari lembah Sungai Tahol di daerah Pensiangan telah dilaporkan oleh Abd Hakim Mohad (2014: 426 dan 2016: 106). Menurut Tom Harrisson (1967), mereka sering memanggil diri mereka sebagai Ulun Tahol yang bermaksud “Orang Tahol” (dipetik oleh Abd Hakim Mohad, 2014: 426). Mereka dikenali sebagai golongan pemburu kepala dan hidup secara berkelompok serta berpindah-randah. Pada sekitar 1800-an, etnik ini telah membuat penempatan di sekitar Lembah Padas (Ismail Ibrahim, 2007: 73). Menurut Encik Unduh bin Butor (Informan, 2017), kebanyakan etnik Murut Tahol telah berpindah ke pekan atau bandar untuk mencari rezeki, hanya tinggal sedikit sahaja yang tinggal di sekitar Lembah Padas pada masa ini.

Sebelum kedatangan British ke Sabah (akhir kurun ke-19), etnik Murut tidak memeluk sebarang agama namun mereka mempunyai kepercayaan tradisional sendiri. Etnik Murut Tahol percaya bahawa kejadian bumi ini dikuasai oleh Aki Kaulung, iaitu Pencipta (Ismail Ibrahim, 2007: 91; 2011: 28 dan Abd. Hakim, 2014: 426). Dalam mitos Murut Tahol, Aki Kaulung bertanggungjawab mencipta bumi manusia, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda lain di dunia (Normadiyah Nassir & Low, 2015: 98; Normadiyah Nassir, 2016: 8 dan Normadiyah Nassir & Low, 2016: 243). Abd. Hakim (2014: 427) melaporkan bahawa amalan *mengayau* penting kepada etnik Murut Tahol kerana dapat membantu mereka untuk memenuhi kehendak Aki Kaulung. Hal ini demikian kerana mereka percaya bahawa tengkorak manusia dapat meningkatkan kekuatan rohaninya. Walau bagaimanapun, pentadbiran British North Borneo (Chartered) Company (BNBC) telah mengharamkan amalan ini dan seterusnya menyebarkan agama Kristian kepada etnik Murut Tahol.

Dalam sistem sosioekonomi, etnik Murut Tahol bercucuk tanam, mencari hasil hutan dan memburu secara turun-temurun. Menurut Ismail Ibrahim (2007: 80), pada masa dahulu etnik Murut mengamalkan kehidupan secara berpindah-randah yang bertujuan untuk mencari tempat yang subur untuk bercucuk tanam. Tanaman yang biasanya ditanam oleh etnik Murut ialah padi bukit, ubi kayu, sayur-sayuran dan tanaman lain untuk dijadikan makanan mereka. Mereka juga memelihara binatang ternakan seperti lembu, babi, kambing dan ayam untuk dijadikan makanan harian mereka serta digunakan dalam *ritual* (Informan,

Unduh bin Butor dan Sayau bin Tangkap, 2017). Ismail Ibrahim (2011: 13) telah mencatatkan bahawa selepas kedatangan British, etnik Murut mulai berniaga dan seterusnya berkembang kepada aktiviti perdagangan dan pertukaran barang yang dilakukan di tempat penjualan yang dikenali sebagai *tamu*.

Pugh-Kitingan (2012: 62) mencatatkan bahawa *pahun* atau rumah panjang ialah tempat kediaman tradisional etnik Tahol. Dalam setiap *pahun*, terdapat beberapa buah *sulap* (bilik) atau unit kediaman persendirian untuk keluarga, ruai tempat tidur umum untuk tetamu serta lelaki remaja, dan satu ruang umum di luar yang mempunyai *lansaran* atau lantai tari-menari anjal. *Pamahunan* (perkampungan) Tahol merupakan satu komuniti yang terdiri daripada keluarga yang terdekat atau mempunyai pertalian darah. Konsep *pahun* kini telah mengalami perubahan kepada satu perkampungan yang agak moden.

Atas sebab makalah ini bertujuan mencari penyelesaian terhadap permasalahan sama ada persembahan *Lansaran* ialah sejenis permainan rakyat ataupun tarian, ada baiknya hal-hal tentang persembahan *Lansaran* diteliti terlebih dahulu.

LANSARAN

Perkataan *lansaran* berasal daripada kata Murut Tahol, iaitu *lumasar* yang bermaksud melambung atau berayun-ayun. Perkataan *lumansar* ini sesuai dengan situasi persembahan ini yang ditarikan di atas permukaan papan, yang disokong oleh bambu di rumah panjang secara berayun-ayun dan melambung-lambung (Ismail Abbas & Shaong, 1984: 85). Menurut En. Baalon Agoon dan En. Andy Jusit (Informan, 2017), pada zaman dahulu, *lansaran* dikenali sebagai “papan” kerana mereka yang terlibat dalam persembahan *lansaran* mengemut-kejut di atas permukaan papan. Dalam bahasa Murut Tahol “beremut-kejut di atas papan” disebut sebagai ‘*momolungun da papan*’. Kata *lansaran* ini muncul dan digunakan pada zaman moden (Informan, Andiawang Butor, 2017).

Rutter (1922: 246) dalam tulisannya menyamakan *lansaran* sebagai *spring dance floor* yang bermaksud “lantai untuk tarian loncat”. Menurut pengkaji ini, pada masa dahulu persembahan *lansaran* dikendalikan oleh etnik Murut selepas aktiviti *mengayau*. Tujuan mereka mempersembahkan *lansaran* adalah untuk menyambut kemenangan pahlawan yang telah berjaya memperoleh kepala musuh. Apabila pahlawan pulang ke rumah, mereka akan mula melafazkan *kukui* (puisi ritual) sambil berpusing-pusing di pentas *lansaran*. Kepala musuh yang didapati akan dibakar sehingga kering dan digantung di atas bumbung *lansaran*. Mereka

menjalankan ritual untuk memuja tengkorak tersebut. Sehubungan dengan itu, Zainal Abidin (1998: 115) turut melaporkan bahawa etnik Murut mengendalikan *lansaran* untuk memuja tengkorak manusia yang diperoleh oleh pahlawan.

Jumlah penari *lansaran* tidak tetap, bergantung pada saiz tempat *lansaran*. Lelaki dan wanita akan melonjak-lonjankan diri untuk mencapai *singkowoton*, iaitu tengkorak manusia yang digantung di bahagian bumbung tempat *Lansaran* dipersembahkan. Pada masa ini, *singkowoton* yang tergantung di bahagian bumbung diperbuat daripada *tinduk sunggang* (paruh burung enggang) yang dihiasi dengan *selimpuk* (manik-manik yang beraneka warna) (Foto 1), untuk menggantikan tengkorak manusia (Foto 2) (Ismail Abbas & Shaong, 1984: 79). Dalam persembahan *lansaran* moden, *singkowoton* digantikan dengan benda-benda yang berharga seperti wang kertas, rokok, kain baju, sapu tangan dan benda-benda lain yang difikirkan sesuai (Mohd Anis, 2004: 44). *Singkowoton* tradisional yang diperbuat daripada tengkorak manusia atau *tinduk sunggang* merupakan *trophy* (hadiah) bagi pemenang dalam satu-satu peraduan *lansaran*.

Persembahan *lansaran* memerlukan tempat khas yang dibina di tengah-tengah serambi rumah panjang etnik Murut Tahol (Foto 3). Tempat persembahan *lansaran* berukuran lapan hingga 30 kaki persegi yang dapat menampung sejumlah 30 orang penari. Menurut En. Michael Pingai (informan), *lansaran* terbentuk daripada tiga lapisan (Foto 4). Bahagian paling bawah *lansaran* dipanggil *sapunti*. Bahagian ini dibina sebagai penyokong dan tempat untuk meletakkan lebih kurang 40 batang kayu kecil yang dipanggil *lalahuon*. Bahagian tengahnya terbentuk daripada kayu *rumulus* (sejenis kayu panjang). Panjang kayu *rumulus* ini hendaklah tidak kurang daripada 35 kaki dan dipasang melintang dan rata. Kesemua kayu ini akan diikat dengan rotan dan ditutupi dengan beberapa keping papan di bahagian atas yang dipanggil sebagai *pinapanan* lalu membentuk lantai *lansaran* di atas. Menurut Andiwang bin Butor dan Kutu bin Tukit (informan), kayu yang digunakan untuk membina *lansaran* terdiri daripada kayu lurus yang tidak mudah patah. Hal ini disebabkan kayu yang lurus dapat menghasilkan bunyi yang kuat apabila dijenjut di permukaan atasnya. Menurut informan lagi, kayu yang sederhana diletakkan di bahagian bawah dan kayu yang besar akan diletakkan di atas.



Foto 1 *Singkowoton* (burung enggang yang diperbuat daripada kayu). Koleksi pengkaji, rumah tradisional Murut, Kadazandusun Cultural Association, Kota Kinabalu (30 Mei 2016)



Foto 2 *Singkowoton* (tengkorak manusia yang digantung atas *lansaran*). Sumber: <https://tallgalstravels.files.wordpress.com>



Foto 3 Pentas *lansaran* yang berada di tengah rumah panjang. Sumber: Koleksi pengkaji, Pusat Kebudayaan Murut, Tenom (17 Mac 2017).



Foto 4 Tiga lapisan pentas *lansaran*. Lapisan 1: Bahagian bawah (batang kayu) Lapisan 2: Bahagian tengah (batang kayu) Lapisan 3: Bahagian atas (papan) Sumber: Koleksi pengkaji, Muzium Negeri Sabah (21 April 2017).

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada informan, pengkaji mendapati bahawa pada zaman dahulu tempat *lansaran* dibina untuk tujuan permainan kanak-kanak. Selain itu, persembahan *lansaran* didapati berkait rapat dengan kepercayaan dan ritual etnik Murut yang terlibat dalam aktiviti *mengayau* sebelum akhir kurun ke-19.

Lansaran sebagai Sejenis Permainan Tradisional

Suhaimi Magi (2018: 87) dalam kajiannya mencatatkan bahawa permainan tradisional merupakan sebahagian kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita. Keseragaman dalam kehidupan harian pada zaman dahulu telah membolehkan mereka untuk bekerja dan berhibur pada masa yang sama. Etnik Murut mempunyai beberapa jenis permainan tradisional seperti *Magunatip*, menyempit, memainkan gong dan *lansaran*. *Magunatip* sebagai contoh dimainkan oleh petani dengan menggunakan dua batang alu semasa menuai padi. Petani melintas di antara dua batang alu tersebut dan kawannya menolak batang alu tersebut untuk menyempit kakinya. Apabila kaki petani tersepit, maka kawan-kawannya pun mentertawakannya lalu menghiburkan mereka. Lama-kelamaan, mereka jadikan *Magunatip* sebagai permainan tradisional mereka (Low *et al.*, 2018: 4799; Suhaimi Magi, 2018: 88).

Dalam kajian Seet (2017: 206), *lansaran* dikategorikan sebagai permainan berkumpulan. Permainan *lansaran* memerlukan sekurang-kurangnya lima orang untuk berenjut bersama-sama diatas permukaan *lansaran*. Empat orang berada di empat sudut *lansaran* dan seorang berada di tengah *lansaran* untuk melonjak-lonjat bagi mencapai *singkowoton* yang digantung di bumbung *lansaran*. Kesemua pemain *lansaran* harus bekerjasama berenjut dalam tempo dan tenaga yang sama supaya hentakan *lansaran* seimbang dan dapat memantul dengan kuat. Pemantulan pentas *lansaran* dapat membantu pemain untuk melompat tinggi. Jika enjutan pemain tidak seragam, maka pemain susah melompat untuk mencapai *singkowoton*. Aktiviti permainan *lansaran* ialah sejenis hiburan etnik Murut pada zaman dahulu, namun kini dijadikan sebagai satu acara pertandingan (List, 1963: 93).

Menurut Encik Nasib Ampio (Informan, 2017), *Lansaran* ialah sejenis permainan tradisional yang digemari oleh etnik Murut Tahol secara turun-temurun. Pada zaman dahulu, banyak kanak-kanak kampung suka berenjut-enjut dan melompat-lompat di atas permukaan kayu-kayu yang telah ditebang dan terbiar di luar rumah panjang. Mereka selalu berkumpul beramai-ramai untuk berenjut-enjut sambil melompat-lompat di atas permukaan kayu-kayu yang ada di luar rumah panjang. Lama-kelamaan, permainan ini menjadi permainan harian mereka. Orang tua-tua pun mulai berasa risau tentang keselamatan anak-anak mereka kerana kayu-kayu tersebut tidak dihaluskan permukaannya dan terdapat juga kayu-kayu yang tajam, yang mungkin akan mencederakan anak-anak mereka.

Untuk menjamin keselamatan mereka, orang tua-tua berfikir untuk membina tempat permainan enjutan tersebut dalam rumah panjang mereka. Selepas membina tempat khas *Lansaran*, anak-anak mereka pun mula bermain di atas tempat khas *lansaran* tersebut. Semasa berenjut-enjut di permukaan tempat khas itu, sejenis rentak bunyi dihasilkan. Orang tua-tua tersebut mulai mendengarkan nyanyian mengikut irama hasil daripada hentakan di permukaan kayu tersebut. Selepas itu, permainan *lansaran* dijadikan sebagai aktiviti hiburan dan lama kelamaan dipersembahkan dalam aktiviti adat resam etnik Murut Tahol seperti adat perkahwinan, adat kelahiran, adat pemujaan roh dan sebagainya.

Pada masa ini, aktiviti permainan *lansaran* masih dimainkan dalam perayaan. Semasa perayaan seperti Pesta Kaamatan dan Pesta Kalimantan, pertandingan *lansaran* akan diadakan di rumah kebudayaan. Pertandingan ini dilakukan bagi memeriahkan suasana perayaan. Aktiviti permainan *lansaran* turut dipromosikan kepada pelancong tempatan dan pelancong luar negara, khususnya di rumah panjang Murut di Muzium Negeri Sabah, Mari-mari Cultural Village dan rumah Panjang Murut di Muzium Murut, Tenom (Foto 5).



Foto 5 Persembahan *Lansaran* sebagai permainan tradisional
Sumber: <https://www.flickr.com/photos/>. Dicapai 22 Julai 2016.

***Lansaran* dalam Upacara Kukui**

Etnik Murut didapati mempunyai kepercayaan terhadap roh manusia dan semangat yang berada di sekeliling mereka. Oleh itu, mereka mempunyai pakar upacara yang berperanan berkomunikasi dengan semangat-semangat ini apabila mereka

berhadapan dengan penyakit atau krisis hidup lain. Pada zaman *mengayau* diadakan ritual yang berkait dengan tengkorak manusia. Ritual pemujaan roh tengkorak musuh yang berjaya diperoleh oleh pahlawan mereka dalam aktiviti *mengayau* dikenali sebagai ritual *Kukui*.

Maklumat lebih teliti tentang upacara *Kukui* yang dikendalikan pada zaman *mengayau* telah diperoleh daripada Michael Pingai, Andiwan bin Butor dan Kutu bin Tukit (Informan, 2017). Menurut ketiga-tiga orang informan ini, pada zaman *mengayau* (sebelum penjajahan British), orang kampung akan menunggu tanda-tanda bersorak daripada pahlawan-pahlawan mereka yang dalam perjalanan balik ke kampung. Selepas orang kampung mendengar sorakan daripada pahlawan, mereka akan memulakan persiapan di rumah panjang sambil menunggu ketibaan pahlawan mereka. Apabila pahlawan tersebut telah sampai di rumah panjang, orang-orang kampung akan menyambut dan mengiring mereka bersama kepala musuh yang dibawa pulang untuk dibawa masuk ke dalam rumah panjang. Sebaik sahaja masuk ke rumah panjang, penghuni rumah panjang akan mula mendendangkan lagu pemujaan di pentas *Lansaran*, diikuti dengan upacara *Kukui* bersama kepala musuh yang dibawa pulang. Seterusnya, kepala yang telah dikeringkan akan disimpan di bahagian atas pentas *Lansaran*. Selepas upacara *Kukui* selesai, etnik Murut akan terus menjalankan majlis minum tapai, menari-nari dan bersuka ria untuk menyambut kemenangan pahlawan mereka sehingga esok.

Sebagai perbandingan, maklumat tentang menyambut kepulangan pahlawan Murut turut dilaporkan oleh Rutter (1929: 192). Rutter (1929) dalam kajiannya telah melaporkan bahawa semasa dalam perjalanan pulang ke kampung, pahlawan Murut akan bersorak untuk memberikan tanda kepada orang kampung. Sebaik sahaja orang kampung terdengar tanda daripada pahlawan mereka, mereka akan terus membuat persiapan untuk menyambut kepulangan pahlawan mereka. Apabila pahlawan mereka tiba di kampung, orang kampung akan menyambut mereka di luar rumah panjang dan seterusnya mengiring mereka masuk ke rumah panjang. Mereka mula mendendangkan puisi upacara *Kukui* apabila mereka sampai ke tempat *lansaran* (Rutter, 1929: 193). Pahlawan dan golongan wanita akan terus membentuk pola bulatan di atas *lansaran*. Menurut Rutter (1929: 192) lagi, kepala musuh akan dibawa masuk ke rumah panjang oleh pihak wanita dan akan disimpan di tengah pentas *Lansaran*. Kepala musuh tersebut akan dimasak dan kulit serta otak akan dibuang sehingga menjadi tengkorak. Seterusnya, tengkorak itu akan dikeringkan dan gantung di bahagian atas pentas *Lansaran*. Selepas upacara *Kukui*, majlis keramaian akan teruskan selama empat hari.

Dalam tulisan Ismail Abbas dan Shaong (1984: 90), etnik Murut akan menggantung lemak babi yang telah dikeringkan bersama dengan tengkorak tersebut. Selepas mereka selesai menggantung kepala musuh, maka setiap orang harus menyertai acara *lumansar* dan berusaha melompat untuk mencapai tengkorak tersebut. Apabila tengkorak tersebut telah dicapai, maka lemak babi tersebut akan dibahagi seorang sedikit untuk dimakan. Hal ini demikian kerana dalam kepercayaan etnik Murut, mereka yang telah makan lemak tersebut akan terhindar daripada gangguan semangat tengkorak.

Aktiviti mengenjot-enjut di permukaan pentas *Lansaran*, kemudian pada kemuncaknya melonjak dan mencapai tengkorak yang tergantung di atas pentas *Lansaran* dikenali sebagai *lumansar* (Informan: Andiawang bin Butor dan Kutu bin Tukit, 2017). Namun pada kemudian hari, seluruh aktiviti ini dikenali sebagai *Lansaran*. Kedua-dua orang informan ini tidak pasti bilakah *lumansar* ditukar kepada *Lansaran* pada masa ini. Persembahan *Lansaran* ini sentiasa diiringi oleh pelafazan puisi upacara oleh *mengimun liliwa* (penyanyi). Kaum wanita dan kaum lelaki berbalas-balas mendendangkan puisi upacara ini. Kandungan puisi upacara terdiri daripada unsur-unsur pujian terhadap tuan rumah dan dipercayai merupakan peransang semangat serta peserta dalam aktiviti *Lansaran*. Semakin rancak puisi upacara didendangkan, maka semakin tinggilah harapan mereka dapat mencapai *singkowoton*, yang tergantung di bahagian atas bumbung. Melonjak tinggi dan mencapai *singkowoton* adalah simbolik kepada kekuatan pahlawan yang *mengayau*. Biasanya, terdapat tiga orang *mongimun liliwa* yang berdiri di tengah pentas *Lansaran*. Peserta lelaki berpegang tangan antara satu sama lain sambil mengelilingi *mongimun liliwa*. Peserta perempuan pula berdiri di celah-celah penari lelaki (Ismail Abbas & Shaong, 1984: 78; Zainal Abiddin Tinggal, 1998: 115). Lelaki dan perempuan yang terlibat serentak membentuk bulatan dalam gelanggang *Lansaran* (Foto 6). Menurut Kutu bin Tukit (Informan, 2017), pada zaman dahulu, kaum wanita membentuk satu bulatan di luar kaum lelaki namun tidak lagi pada masa ini.



Foto 6 Persembahan *Lansaran* sebagai tarian ritual.
 Sumber: www.sabah.edu.my/. Dicapai pada 22 Julai 2016.

Persembahan *Lansaran* tidak mempunyai had masa tertentu. Aktiviti ini bergantung kepada panjang dan pendeknya kandungan puisi upacara. Berdasarkan Baalon Agoon dan Nasip Ampiu (Informan, 2017), semua puisi upacara Murut ialah puisi yang berbalas-balas antara lelaki dengan perempuan, mengikut kesesuaian suasana. Oleh itu, terdapat banyak versi lirik lagu *ritual Kukui* yang berbeza tetapi melodinya sama. Menurut informan lagi, melodi *Kukui* diwariskan daripada nenek moyang secara turun-temurun. *Kukui* ini dipercayai tidak boleh dilafazkan secara sembarangan (Informan, Unduh bin Butor, 2017). Menurut informan ini lagi, hanya keluarga yang pernah memperoleh kepala sahaja boleh melafazkannya. Jika seseorang tidak mempunyai kepala dan melafazkan *Kukui*, dipercayai umur mereka akan dipendekkan. Dalam bahasa Murut, disebutnya *rawan*, iaitu denda ritual.

Berikut ialah salah satu contoh puisi upacara *Kukui* yang dirakam dan ditranskrip oleh pengkaji dari lapangan (Jadual 1). Puisi upacara ini sukar diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu kerana bahasa Murut yang digunakan ialah bahasa lama, yang tidak difahami oleh informan maksudnya. *Kukui 2* dipetik daripada Rutter (1929: 195) dalam bahasa Murut dan diterjemahkan dalam bahasa Inggeris.

Jadual 1 Puisi upacara *Kukui*

| Kukui 1 | |
|--|---|
| Lelaki | Perempuan |
| <i>Kukui...Kukui....</i> (sejenis sebutan) <i>Kukuio taka ondou</i> <i>I ka liha sumuhut ko</i> <i>Aun hino raino</i> <i>Kaa ki naalapan Kukui</i> <i>Kukui kari</i> (tidak dapat diterjemahkan oleh informan) | <i>Kukui...Kukui...</i> (sejenis sebutan) <i>Kukuyo taka rungin</i> <i>I ka liha huhuwangan mu</i> <i>Kukui rungin.</i> (tidak dapat diterjemahkan oleh informan) |

Sumber: Nasib Ampiu dan Michael Pingai, Informan (2018).

Jadual 2 berikut ialah puisi upacara *Kukui* yang dipetik daripada kajian Rutter (1929: 195);

Jadual 2 Puisi upacara *Kukui 2*

| Kukui 2 | | | |
|---|--|--|---|
| <p>Men <i>Koi, koi.</i> <i>Aguntias balaiong</i> <i>Pulo na Tagul,</i> <i>Ino chari Tagul,</i> <i>Koi, koi.</i> <i>Inumpang mai tutuan</i> <i>Sinunkaran nu tukar,</i> <i>Chari tukar,</i> <i>Oko, koi,</i> <i>Lumingkonor</i> <i>bengkuru</i> <i>Pinapsan nu pagun,</i> <i>Chari pagun,</i> <i>Koi, koi.</i> <i>Pinaluir mai kuom</i> <i>Tengah nu papan ino</i> <i>Chari papan,</i> <i>Koi, koi.</i></p> | <p>Koi, koi. The scarlet seeds lie thick On the boulders of the Tagul, Of the Tagul, Koi, koi. We have hacked the rice- mortars At the foot of the house- steps, Of the house-steps, Oko, koi. The blood lies in clotted pools Around the house, The house, Koi, koi. We throw down the scarlet fruit In the midst of our dancing-floor, Koi, koi.</p> | <p>Women <i>Lai ando mai no;</i> <i>Apandai anipuan:</i> <i>Tininting da</i> <i>sumbeling.</i> <i>Oun ke</i> <i>pomunsilau?</i> <i>Abang-nga ne</i> <i>semaia,</i> <i>Oun ke nonipuan,</i> <i>Andaliga rolok?</i></p> | <p>Behold our men folk: Skilled are they to smite: A row of though bamboo. With what blood shall we anoint them? Men folk of ours, Where did ye pluck them, These red hibiscus flower?</p> |

Kukui 2 dirakam oleh Rutter (1929: 195) sebelum 1929 (berdasarkan tarikh penerbitan bukunya). Kandungan *Kukui 1* yang dirakam oleh pengkaji pada tahun 2017 berunsur puji-memuji antara pihak lelaki dan wanita. Dalam *Kukui* ini, pihak lelaki memuji kecantikan pihak perempuan sambil menyampaikan mesej bahawa mereka gagah dan berani kerana berjaya memperoleh kepala musuh. Pihak wanita juga memuji pihak pahlawan lelaki kerana mereka gagah berani memperoleh kepala musuh. Jika diteliti, *Kukui 1* ini berkait dengan budaya *mengayau* etnik Murut. Sesiapa lelaki yang berjaya memperoleh kepala musuh dianggap sebagai lelaki yang berani. Di satu pihak yang lain, *Kukui* yang dirakam oleh Rutter (1929) mendendangkan puisi upacara antara pihak lelaki dan wanita tentang aktiviti *mengayau*. Dalam *Kukui* ini, pihak lelaki akan menceritakan perjalanan *mengayau* mereka kepada pihak wanita. Rutter (1929) menggunakan perkataan *seeds* dan *flowers* sebagai simbolik darah dan *scarlet fruits* sebagai simbolik kepala musuh. Pihak wanita pula memuji pihak pahlawan kerana mereka gagah, berani dan bijak menggunakan bambu sebagai pedang.

Etnik Lundayeh yang tinggal di sempadan Sabah, Sarawak dan Kalimantan didapati turut mengendalikan upacara yang dikenali sebagai upacara *Ukui*. Upacara ini berkait dengan aktiviti *mengayau* mereka pada zaman dahulu. Menurut Low *et al.* (2013: 63), etnik Lundayeh akan mengendalikan upacara *Ukui* selepas pahlawan mereka memperoleh kepala manusia. Dalam upacara ini, mereka membentuk buaya yang juga dikenali sebagai *Ulung Buayeh* dengan tanah. Bagi menyambut kemenangan pahlawan yang berjaya memperoleh kepala manusia dalam aktiviti *mengayau*, etnik Lundayeh akan menuangkan *burak* (arak) di sekeliling *Ulung Buayeh*. Tujuan mengendalikan upacara *Ukui* adalah untuk memaksimumkan penghinaan kepada mangsa yang dipancung kepala. Biasanya seorang wanita berilmu yang terpilih akan mengetuai upacara *Ukui* ini. Orang kampung lain akan mengikuti beliau mengeliling *Ulung Buayeh* sambil mendendangkan lagu penghinaan dan disertai dengan persembahan tarian etnik Lundayeh.

Berdasarkan perbincangan ini, jelas bahawa selain persembahan *Lansaran* yang berkait rapat dengan upacara yang bersabit dengan budaya *mengayau* pada zaman dahulu, etnik-etnik lain di Borneo seperti etnik Lundayeh didapati turut mengamalkan budaya *mengayau*, yang perlu dikendalikan ritual untuk mententeramkan roh kepala. Di akhir ritual masing-masing, diadakan persembahan untuk meraikan kejayaan pahlawan mereka yang berjaya memperoleh kepala manusia. Dengan kata lain, budaya *mengayau*, ritual *mengayau* dan persembahan tarian tradisional adalah saling berkait dalam kalangan etnik peribumi di Borneo.

Birell (1981: 355) dalam kajiannya telah mencatatkan bahawa permainan dan ritual harus dikaitkan bersama kerana terdapat pengkaji yang mendapati bahawa permainan merupakan asas kepada proses ritual. Seterusnya, Schechner (2006: 52) mencatatkan bahawa permainan tradisional dapat dikategorikan sebagai sesuatu persembahan. Menurut beliau:

Performances consist of twice-behaved, coded, transmittable behaviors. This twice-behaved behaviors are generated by interactions between ritual and play. In fact, one definition of performances is: Ritualized behavior conditioned and/or permeated by play.

(Schechner, 2006: 52).

Berdasarkan kedua-dua orang pengkaji ini, pengkaji mendapati bahawa ritual berkait rapat dengan permainan. Sehubungan dengan itu, Goffman (1959: 15) mencatatkan bahawa segala aktiviti yang melibatkan dua pihak seperti pihak yang menunjukkan dan pihak yang melihatnya boleh dikatakan sebagai persembahan. Oleh itu, aktiviti seperti ritual dan permainan boleh dikategorikan

sebagai persembahan kerana melibatkan pihak yang mempersembahkan dan pihak yang menontonnya. Oleh hal yang demikian, *Lansaran* boleh dikategorikan sebagai sebuah persembahan kerana mempunyai fungsi sebagai permainan dan berfungsi ritual.

***Lansaran* Olahan Suhairin 2017**

Pada tahun 2017, Suhairin bin Kadir, iaitu seorang penggiat seni tempatan Sabah telah memperoleh idea lalu mengolah persembahan *Lansaran* tradisional untuk dipentaskan. Pertama, beliau telah mengubah tempat persembahan *lansaran* yang besar menjadi sebuah pentas *lansaran* kecil. Penciptaan pentas kecil *lansaran* membolehkan ia dibawa ke mana-mana berbanding pentas *lansaran* besar di rumah panjang pada masa dahulu. Hal ini ialah kreativiti penting Suhairin agar mengekalkan identiti *lansaran*.

Ragam gerak *Lansaran* olahan ini berasaskan kepada ragam gerak tarian *Anggalang*. Dalam persembahan *lansaran* olahan ini, bahagian tapak tangan hingga ke pergelangan tangan penari perempuan di luar pentas *lansaran* kecil dipusing dengan lembut mengikut rentak kaki. Bagi penari lelaki pula, tapak tangan kiri hingga ke pergelangan tangan mereka turut dipusingkan seperti gerakan tapak tangan dan pergelangan tangan wanita sementara tangan kanan mereka memegang sebatang kayu sambal menghentak-hentakkan kayu tersebut diatas permukaan pentas mengikut rentak pergerakan kaki mereka.

Seterusnya, Suhairin turut mengolah pola lantai persembahan *Lansaran* daripada bentuk bulatan kepada pelbagai jenis pola seperti baris melintang, bentuk 'V', bentuk 'zig zag' dan baris serenting. Pada hujung persembahan ini, penari perempuan dan lelaki mengeliling dua orang penari perempuan yang berada di pentas kecil *Lansaran* dalam bentuk bulatan. Dengan berbuat demikian, Suhairin telah mengekalkan pola lantai persembahan *Lansaran* zaman dahulu selain menambahkan pola lantai baharu berdasarkan kreativitinya.

Lansaran olahan Suhairin 2017 telah dipersembahkan dalam Pertandingan Borneo Art Festival (BAF). *Lansaran* olahan sedemikian didapati penting agar persembahan *Lansaran* masa dahulu yang tidak dapat dipersembahkan di luar daripada rumah panjang kerana memerlukan pentas *lansaran* tersendiri yang besar. Olahan ragam gerak dan pola lantai baharu menjadikan *Lansaran* olahan Suhairin 2017 kelihatan menarik dan menarik perhatian penonton. Foto 7 menunjukkan sebahagian daripada persembahan *Lansaran* olahan Suhairin 2017.



Foto 7 Persembahan *lansaran* olahan Suhairin 2017 yang dipentaskan di Pertandingan Borneo Art Festival (BAF), Labuan pada 28 September 2017
Sumber: Koleksi pengkaji (28 September 2017).

***Lansaran*: Permainan Tradisional atau Tarian?**

Sebagaimana yang dinyatakan di bahagian awal tulisan ini, beberapa orang pengkaji seperti Clarke (1952), List (1963) dan Seet (2017) serta informan seperti Nasip Ampiu dan Suhaimi Magi menganggap *Lansaran* ialah sejenis permainan tradisional. Namun, pengkaji seperti Ismail Abbas dan Shaong (1984), Asmad (1990), Zainal Abidin (1988) dan Samsudin (2001) membincangkan *Lansaran* dalam konteks tarian tradisional pula. Soalnya, adakah *Lansaran* ialah sejenis tarian atau permainan tradisional? Bagi mencari penyelesaian permasalahan sedemikian, ada baiknya ciri-ciri tarian dan ciri-ciri permainan dikenal pasti, kemudian dibandingkan dengan persembahan *Lansaran*.

Dari segi ciri-ciri tarian pula, Jadual 3 berikut merumuskan dapatan pengkaji seperti Sach (1933), Ismaily Bungsu (1995), Royce (1977), Sheppard (1972), Copeland dan Cohen (1988), Kuswarsantyo (2012) dan Mohd. Ghouse Nasuruddin (1994) merumuskan ciri-ciri sesebuah tarian sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3 Ciri-ciri tarian

| Bil. | Ciri-ciri tarian |
|------|--|
| 1 | Gerak geri - melalui pergerakan tubuh badan. |
| 2 | Sejenis persembahan. |
| 3 | Terdapat pergerakan kaki; pergerakan tubuh; pergerakan merendahkan tubuh, dan pergerakan mengayunkan badan dan tangan. |
| 4 | Mempunyai tempo, tahap dan pola lantai. |
| 5 | Pergerakan tubuh badan seirama dengan nyanyian (<i>vocal</i>), irama muzik atau irama gamelan. |

Dari segi ciri-ciri permainan pula, Jadual 4 berikut merumuskan dapatan pengkaji seperti Birrell (1981), Soon (1990), Danandjaja (2005), Schechner (2006), Brown dan Vaughan (2009) dan Mohd Akmal Mat Salleh *et al.* (2016) merumuskan ciri-ciri sesebuah permainan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 4 berikut.

Jadual 4 Ciri-ciri permainan

| Bil. | Ciri-ciri Permainan |
|------|--|
| 1 | Jumlah pemain tidak kurang daripada dua orang. |
| 2 | Mempunyai kriteria bagi menentukan pemenang. |
| 3 | Bersifat secara sukaela. |
| 4 | Tidak mempunyai had waktu. |
| 5 | Secara berimprovisasi dan berlaku secara spontan. |
| 6 | Dilakukan pada masa lapang. |
| 7 | Mempunyai peraturan tertentu yang mudah difahami dan dipatuhi. |

Berdasarkan ciri-ciri permainan dan sebuah tarian yang telah dikenal pasti oleh pengkaji-pengkaji tarian di atas, ada baiknya disemak sama ada persembahan *Lansaran* memenuhi ciri-ciri sebuah permainan ataupun tarian. Jika diteliti, terdapat tiga jenis atau peringkat *Lansaran*. Pertama, *Lansaran* yang dimainkan di pentas *lansaran* yang dibina di serambi rumah panjang. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, ritual *Kukui* dikendalikan oleh pakar upacara Murut Tahol pada zaman *mengayau*, iaitu sebelum pentadbiran British di Sabah pada kurun ke-19. Ketiga, *Lansaran* olahan Suhairin 2017. Rujuk Jadual 5, Jadual 6 dan 7 di bawah untuk perbincangan selanjutnya.

Jadual 5 *Lansaran* zaman dahulu

| Ciri-ciri Permainan | Catatan | Ciri-ciri Tarian | Catatan |
|--|--|--|---|
| Jumlah pemain tidak kurang daripada dua orang. | Ya: Biasanya lebih daripada dua orang. | Gerak geri - melalui pergerakan tubuh badan. | Ada: Mengejut-enjut dan melompat-lompat di pentas <i>Lansaran</i> yang dibina di serambi rumah panjang. |
| Mempunyai kriteria bagi menentukan pemenang. | Tidak: <i>Lansaran</i> yang dimainkan oleh kanak-kanak tidak bercirikan pertandingan. | Sejenis persembahan. | Bukan: Kanak-kanak melompat-lompat di pentas <i>Lansaran</i> sebagai hiburan semata-mata. Tidak bertujuan untuk ditonton oleh sesiapa. |
| Bersifat secara sukarela. | Ya: Kanak-kanak bermain secara sukarela. | Terdapat pergerakan kaki; pergerakan tubuh; pergerakan merendahkan tubuh, dan pergerakan mengayunkan badan dan tangan. | Ada: Pergerakan secara bebas, tidak sistematik dan tanpa dirancang. |
| Tidak mempunyai had waktu. | Ya: Tempoh waktu bermain tidak ditetapkan. | Mempunyai tempo, tahap dan pola lantai. | Tiada. |
| Secara berimprovisasi dan berlaku secara spontan. | Ya: Kanak-kanak melompat-lompat secara bebas dan spontan. | Pergerakan tubuh badan seirama dengan nyanyian (<i>vocal</i>), irama muzik atau irama gamelan. | Tiada. |
| Dilakukan pada masa lapang. | Ya | | |
| Mempunyai peraturan tertentu yang mudah difahami dan dipatuhi. | Tidak: Kanak-kanak melompat-lompat tanpa peraturan. | | |

Berdasarkan Jadual 5 di atas, *lansaran* pada zaman dahulu didapati memenuhi lima daripada tujuh ciri-ciri permainan (71 peratus). Walaupun *lansaran* jenis ini tidak memenuhi dua daripada tujuh kriteria (29 peratus), iaitu pertama, bagi menentukan pemenang. Hal ini disebabkan *lansaran* jenis ini bukanlah jenis permainan dalam bentuk pertandingan. Kedua, *lansaran* jenis ini juga tidak memenuhi kriteria permainan yang mempunyai peraturan tertentu, namun pada pengkaji, hal ini disebabkan kerana kanak-kanak pada masa dahulu melompat-lompat secara spontan. Permainan jenis ini tidak memerlukan peraturan. Oleh hal yang demikian, etnik Murut membina pentas *lansaran* selepas melihat kanak-kanak mereka melompat-lompat di permukaan kayu yang membahayakan keselamatan kanak-kanak. Pada ketika itu, aktiviti *lansaran* pasti bukan sejenis tarian kerana tidak mempunyai pola lantai, tempo,

muzik dan pergerakan tubuh badan si pemain adalah bebas. Aktiviti sedemikian ternyata ialah sejenis permainan dan bukannya tarian. Berikut diturunkan Jadual 6 untuk perbincangan seterusnya.

Jadual 6 *Lansaran* dalam ritual *Kukui* (zaman mengayau sebelum akhir kurun ke-19)

| Ciri-ciri Permainan | Catatan | Ciri-ciri Tarian | Catatan |
|--|--|--|---|
| Jumlah pemain tidak kurang daripada dua orang. | Ya: Biasanya terdiri daripada sekumpulan orang. Kira-kira 10 hingga 20 orang. | Gerak geri - melalui pergerakan tubuh badan. | Ada: Pakar upacara, rombongan <i>mengayau</i> dan wanita yang mengikuti ritual <i>kukui</i> akan mengejut-enjut. Lelaki mengejut-enjut dalam bulatan mengikut arah jam. Perempuan pula mengejut-enjut dalam bulatan mengikut arah lawan jam. |
| Mempunyai kriteria bagi menentukan pemenang. | Tidak | Sejenis persembahan. | Ya: Persembahan ritual yang bertujuan untuk menghalau semangat jahat. Tidak bertujuan untuk ditonton oleh sesiapa. |
| Bersifat secara sukarela. | Tidak: Peserta terdiri daripada mereka yang terlibat dalam ritual <i>Kukui mengayau</i> . | Terdapat pergerakan kaki; pergerakan tubuh; pergerakan merendahkan tubuh, dan pergerakan mengayunkan badan dan tangan. | Ada: Kaki peserta mengenyut-enjut. Apabila sampai kemuncak ritual, pergerakan tangan perempuan akan bergerak seperti burung helang yang terbang. Seorang lelaki akan melompat setinggi yang boleh untuk mencapai tengkorak yang tergantung di bumbung rumah panjang. |

| | | | |
|---|--|--|--|
| Tidak mempunyai had waktu. | Ya: Ada kalanya berlanjutan semalaman. | Mempunyai tempo, tahap dan pola lantai. | Ada: Tempo mengikut nyanyian <i>Kukui</i> . Hanya mempunyai satu jenis pola lantai sahaja, iaitu bulatan. |
| Secara berimprovisasi dan berlaku secara spontan. | Tidak: Pergerakan mengengjut-engjut dalam bentuk bulatan. | Pergerakan tubuh badan seirama dengan nyanyian (<i>vocal</i>), irama muzik atau irama gamelan. | Ya: Pergerakan tubuh peserta mengikut rentak nyanyian <i>Kukui</i> . |
| Dilakukan pada masa lapang. | Tidak: Selepas <i>mengayau</i> . | | |
| Mempunyai peraturan tertentu yang mudah difahami dan dipatuhi | Tidak mempunyai peraturan seperti permainan. | | |

Merujuk kepada Jadual 6 di atas, persembahan *Lansaran* dalam ritual *Kukui* didapati memenuhi dua (29 peratus) daripada tujuh ciri-ciri permainan (71 peratus). Dari segi ciri jumlah pemain yang lebih daripada dua orang, *lansaran* jenis ini ialah aktiviti ritual berkumpulan dan bukannya permainan. Dari segi ciri mempunyai peraturan tertentu, sekali lagi *lansaran* jenis ini didapati dipersembahkan dalam bentuk ritual yang tidak mempunyai peraturan seperti permainan. Oleh itu, boleh dikatakan *lansaran* jenis ini seratus peratus bukanlah permainan. Sebaliknya pula, *lansaran* jenis ini memenuhi seratus peratus ciri-ciri tarian yang tersenarai dalam Jadual 6 di atas. Dengan itu, sahlah bahawa *lansaran* jenis ini ialah sejenis tarian yang bertujuan untuk menghalau roh jahat selepas etnik Murut Tahol berjaya memperoleh kepala manusia dalam aktiviti *mengayau* mereka. Perhatikan Jadual 7 untuk perbincangan selanjutnya.

Jadual 7 *Lansaran* olahan Suhairin (2017)

| Ciri-ciri Permainan | Catatan | Ciri-ciri Tarian | Catatan |
|---|--|---|--|
| Jumlah pemain tidak kurang daripada dua orang | Ya: Penarinya terdiri daripada 16 orang. | Gerak geri - melalui pergerakan tubuh badan. | Ada: Penari perempuan menggulung-gulungkan tangan sementara tapak kaki kanan dan kirinya naik turun secara berselang-seli. Penari lelaki juga menggulung-gulungkan tangannya sementara kaki kanan diangkat sedikit dan kirinya naik turun secara berselang-seli. Pergerakan tangan kanan penari menggulung-gulung dan tangan kiri memegang batang kayu. |
| Mempunyai kriteria bagi menentukan pemenang | Ya: Disertai dalam pertandingan tarian kreatif. | Sejenis persembahan. | Ya: Persembahan untuk tontonan umum dan pertandingan. |
| Bersifat secara sukarela | Tidak | Terdapat pergerakan kaki; pergerakan tubuh; pergerakan merendahkan tubuh, dan pergerakan menghayunkan badan dan tangan. | Ada: Penari perempuan dan penari lelaki menggulung-gulung tangan seperti <i>Anggalang</i> , dua orang penari perempuan dalam pentas <i>Lansaran</i> kecil menggenjut-enjut dan pergerakan tangan seperti burung helang yang terbang. Penari lelaki menghentak-hentak batang kayu untuk menghasilkan bunyi. |

| | | | |
|---|--|--|--|
| Tidak mempunyai had waktu | Tidak: Dalam 6 hingga 10 minit. | Mempunyai tempo, tahap dan pola lantai. | Ada: Penari menari mengikut tempo muzik yang diolah daripada bunyi gong, <i>kulintangan</i> dan hentakan kayu. Penari menari dalam tahap yang berbeza di mana penari perempuan menari atas papan, manakala penari lelaki menari di pentas persembahan dan tarian ini menggunakan banyak variasi pola lantai seperti bentuk “V”, bentuk “X”, bentuk seranting, bentuk “zig zag” dan juga bentuk bulatan. |
| Secara berimprovisasi dan berlaku secara spontan | Tidak: Mempunyai ragam gerak dan koreografi. | Pergerakan tubuh badan seirama dengan nyanyian (<i>vocal</i>), irama muzik atau irama gamelan. | Ya: Penari menari menurut rentak paluan gong, <i>kulintangan</i> dan bunyi hentakan kayu. |
| Dilakukan pada masa lapang | Tidak: Mempersembahkan dalam pertandingan. | | |
| Mempunyai peraturan tertentu yang mudah difahami dan dipatuhi | Ya: Peraturannya tidak sama dengan peraturan permainan. | | |

Merujuk kepada Jadual 7, persembahan *Lansaran* olahan didapati memenuhi tiga (43 peratus) daripada tujuh ciri-ciri permainan (57 peratus). Jika diteliti, ketiga-tiga ciri permainan yang dipenuhi *Lansaran* olahan juga tidak menentukan bahawa *lansaran* jenis ini ialah sejenis permainan. Pertama, pesertanya ialah penari bukannya pemain. Kedua, tarian ini dipertandingkan, jadi adanya kriteria pemenang. Ketiga, peraturannya pula ialah peraturan pertandingan tarian dan bukannya pertandingan permainan. Dalam konteks ciri-ciri tarian pula, *lansaran* jenis ini memenuhi seratus peratus ciri-ciri tarian yang tersenarai dalam Jadual 7. *Lansaran* olahan Suhairin 2017 didapati mempunyai variasi pola lantai, penggunaan muzik dan pergerakan tubuh badan.

RUMUSAN

Dalam tulisan ini, beberapa dapatan penting bersabit dengan persembahan *Lansaran* telah diperolehi. Pertama, tulisan ini telah mengesahkan bahawa pada asalnya, *Lansaran* ialah sejenis permainan yang bertujuan untuk hiburan masa lapang kanak-kanak di luar rumah panjang. Seterusnya, kajian ini mendapati *Lansaran* yang dipersembahkan pada zaman *mengayau* (sebelum akhir kurun ke-19) ialah sejenis persembahan tarian tradisional yang mempunyai fungsi ritual. Akhir sekali, tulisan ini turut menonjolkan *Lansaran* olahan Suhairin 2017 ialah sebuah tarian olahan. Tarian olahan ini dianggap penting agar persembahan *Lansaran* turun-temurun etnik Murut Tahol dapat dipromosi kepada orang bukan etnik Murut di dalam dan di luar Sabah. Yang penting, tulisan ini telah menyelesaikan permasalahan kajian yang dikemukakan di bahagian pengenalan tulisan ini, iaitu sama ada *Lansaran* ialah sejenis permainan atau tarian.

RUJUKAN

- _____. (1929 [2007]). The pagans of North Borneo. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- _____. (2011). Warisan motif dan corak Murut. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- _____. (2016). The Murut Tahol culture in Sabah: The historical journey and challenges. *Asian Culture and History*, 8(2), 106.
- _____. (2016). Asal usul perbuatan tradisional etnik Murut berdasarkan mitos dan legenda. *Proceedings International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago*, 296-300. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ab. hakim Mohad. (2014). Spiritual journey of Murut Tahol in Sabah and its effect to their headhunting practice. *International Journal of Social Science and Humanity*, 4(6), 426- 429.
- Asmad. (1990). *Seni lagu dan permainan tradisi (Siri Bunga Rampai Kebudayaan Malaysia)*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Birrell, S. (1981). Sports as ritual: Interpretations from Durkheim to Goffman. *Social Forces*, 60(2). Oxford University Press.
- Clarke, M. C. (1952). The Muruts Home Part II. *Journal of Man*, 52, 34-36.
- Copeland, R., & Cohen, M. (1983). What is dance? Readings in Theory and Criticism. New York: Oxford University Press.
- Goffman, E. (1959). *The presentation of self in everyday life*. United States: Anchor Books.
- Ismail Abbas & Shaong, Charles. (1984). Tarian-tarian tradisional Sabah. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Ismail Haji Ibrahim. (2007). Murut: Menyusuri Budaya dan Kewujudan Masyarakat Awal di Sabah. Dlm. Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Hj. Mutajab & Suraya Sintan (Ed), *Pulariti Etnik dan Budaya di Sabah* (hlm. 63-117). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

- Ismaily Bungsu. (1995). *Warna budaya*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Jesilda binti Paulus & Low Kok On. (2016). Tarian Anggalang etnik Murut terpilih paluan dan tarian Mansayau Murut Nabai di pedalaman Sabah: Satu perbandingan aspek persembahan. *Proceedings International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago*, 162-166. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Kuswarsantyo. (2012). Pelajaran tari: Image dan kontribusinya terhadap pembentukan karakter anak. *Jurnal Seni Tari*, 3, (1), 17-23.
- List, G. (1963). Murut music of North Borneo by Ivan Polunin. *Journal of American Folklore*, 76, 93-94.
- Low Kok On, Jinky Jane C. Simeon, Saniah Ahmad, Tang Sook Kuan, Maine Saudik, Chong Lee Suan & Kntayya Mariappan (Research Report, unpublished). (2013). *Musical Functions of the Lundayeh Dance: Music in Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Low Kok On, Suhaimi Magi, Supyan Hussin, A. S. Hardy Shafii & Norfarizah Mohd Bakhir. (2018). The healing ritual context of the Magunatip dance of the Murut in Sabah, Malaysia. *Advanced Science Letters*, 24, 4798-4801.
- Mohd Anis Md Nor. (2004). Dances of Sabah and Sarawak: Performing arts. *The Encyclopedia of Malaysia: Archielago Press*, 8.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin. (1994). *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normadiah Nassir & Low Kok On. (2015). Penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam pengubatan tradisional etnik Murut Tahol di Sabah: Penelitian terhadap unsur kearifan tempatan. *Gendang Alam (Jurnal of Arts)*, 5, 87-106.
- Normadiah Nassir. (2016). Mitos dan legenda Murut Tahol dalam konteks perubahan Tradisional. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Pugh-Kitingan, J. (2012). Murut. Dlm. Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (ed). *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah: 23-107*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, Kuala Lumpur
- Royce, A. P. (1977). *The anthropology of dance*. Bloomington: Indiana University Press.
- Rutter, O. (1922). *British North Borneo: An account of its, resources, and native tribes*. London: Constable and Company.
- Sachs, C. 1937 [1933]. *World history of the dance*. New York: W.W Norton and Company, Inc.
- Samsudin Harun. (2011). Tarian etnik peribumi. Selangor: Syarikat Print Systems Sdn. Bhd.
- Schechner. R. (2006). *Performance studies: An introduction*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Seet Tiong San, J. (2017). *The beliefs and practices of the Kadazandusun-Murut natives of Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah, 206-207.
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indra: A royal pleasure ground; Malay decorative arts and pastimes*. Singapore: Oxford University Press.
- Suhaimi Magi, Low Kok On & Indera Utama. (2016). Unsur ritual dalam tarian Magunatip etnik Nabai dan Paluan di Sabah. *Proceedings International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago*, 412-417. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Suhaimi Magi. (2018). Tarian Magunatip etnik Nabai dan Paluan: Daripada permainan tradisional ke persembahan pentas kini. Tesis Sarjana (tidak diterbitkan). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Toh Min Min & Low Kok On. (2016). *Lansaran* etnik Murut Tahol di pedalaman Sabah: Permainan tradisional dan persembahan ritual. *Proceedings International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago*: 423-427. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Zainal Abiddin Tinggal (Ed). (1998). *The dances of Asean*. Bandar Sri Begawan: Asean Committee on Cultural and Information.

Informan dan tempat kajian

| Bil | Nama | Umur | Jantina | Tempat | Pekerjaan |
|-----|---------------------------|------|---------|-------------------------------|---------------------------|
| 1 | Andiwang bin Butor | 59 | Lelaki | Kampung Tolokoson, Tenom | Petani |
| 2 | Unduh bin Butor | 58 | Lelaki | Kampung Tolokoson, Tenom | Petani |
| 3 | Kutu bin Tukit | 61 | Lelaki | Kampung Tatahu, Tenom | Petani |
| 4 | Nasip @ Zulaini bin Ampiu | 54 | Lelaki | Kampung Maugus, Tenom | Koreografer |
| 5 | Machiael Pingai | 63 | Lelaki | Kebudayaan Seni Murut, Pulong | Pengarah Kebudayaan Murut |
| 6 | Andy Jusit | 44 | Lelaki | Kampung Sook, Nabawan | Koreografer |
| 7 | Balon Agoon | 61 | Lelaki | Kampung Melampoi, Nabawan | Ketua Kampung |
| 8 | Sayau bin Tangkap | 59 | Lelaki | Kampung Kabu, Pensiangan | Ketua daerah Nabawan |
| 9 | Suhairin Abd Kadir | 53 | Lelaki | Kota Kinabalu | Koreografer |